

NO. SOALAN : 166

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' DR. TAN KEE KWONG
[WANGSA MAJU]**

TARIKH : 16 JUN 2014

SOALAN :

YB. Dato' Dr. Tan Kee Kwong [Wangsa Maju] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan peranan Kementerian bagi melindungi kampung-kampung warisan di Kuala Lumpur.

JAWAPAN : **DATO' SERI MOHAMED NAZRI ABDUL AZIZ**
MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam usaha memelihara dan melindungi kampung warisan di sekitar Kuala Lumpur, Kementerian Pelancongan dan Kebudayaan Malaysia melalui Jabatan Warisan Negara telah menjalankan penyelidikan penilaian ke atas kampung-kampung lama di Kuala Lumpur seperti Kampung Banda Dalam (Kampung Baru), Kampung Railway dan Kampung Puah (Sentul). Kriteria untuk memberi pengiktirafan sesebuah kampung sebagai kampung warisan merangkumi aspek fizikal bangunan seperti keaslian seni bina tradisional rumah, integriti sejarah kampung tersebut dan terdapat warisan budaya tidak ketara yang diamalkan. Jabatan Warisan Negara akan menilai dan mengambil inisiatif untuk mewartakan mana-mana kawasan yang pada keseluruhannya mempunyai ciri-ciri warisan dan memenuhi kriteria di dalam Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645]. Namun begitu, perkara ini perlu mendapat keizinan Pihak Berkuasa Negeri terlebih dahulu.

Kekangan untuk memberi pengiktirafan kepada kampung lama di sekitar Kuala Lumpur sebagai kampung warisan adalah kerana bentuk fizikal bangunan yang terdapat di kawasan tersebut tidak lagi menonjolkan keaslian seni binanya dan kebanyakan bangunan berbentuk baru/moden. Justeru, ia tidak memenuhi kriteria untuk dipertimbangkan sebagai sebuah kampung warisan.

Kampung warisan akan dilindungi mengikut Akta 645 sepertimana butiran warisan lain yang telah diberi pengiktirafan sebagai warisan negara. Namun secara keseluruhannya, pembangunan yang bercampur dan tidak menonjol keaslian warisannya menyukarkan Jabatan Warisan Negara untuk mencadangkan mana-mana kampung di sekitar Kuala Lumpur sebagai kampung warisan mengikut Akta 645.

Sekian, terima kasih.